

# 'Usah takut perangi rasuah'

BH - 26/5/2005: 6

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kecenderungan terhadap gejala rasuah mampu menjejaskan daya saing ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau berkata, gejala rasuah perlu ditangani sebaik mungkin tanpa rasa takut meskipun jika terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka yang berkedudukan tinggi.

"Jika kita tidak ambil tindakan, ini akan menjadi sesuatu yang amat menakutkan. Namun, dengan nilai yang lebih baik pada diri kita, Insya-Allah ini tidak akan terjadi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ceramah pada Siri Wacana Perdana mengenai Penstrukturan Semula Sosial di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, mereka yang terbabit dalam rasuah kini seolah-olah berani melakukannya secara terbuka.

"Mereka kini tidak lagi menyembunyikan hakikat itu. Dulu, anda tidak perlu merasuah sesiapa tetapi kini ia seolah-olah perlu jika mahu mendapatkan sesuatu," katanya.

Ditanya sama ada kebimbangannya mengenai masalah rasuah merujuk kepada Umno, Dr Mahathir, berkata beliau khuatir mengenai rasuah secara umum termasuk yang membabitkan parti politik.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, Proton kini bimbang dengan kehadiran begitu banyak kereta import di pasaran tempatan sedangkan kereta nasional itu amat sukar menembusi pasaran negara lain.

Katanya, keadaan sekarang seolah-olah



**DR MAHATHIR** memberi ceramah pada sesi soal jawab Siri Wacana Perdana Mengenai Penstrukturan Semula Sosial, di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

"Malah kereta datang dari negara yang tidak membenarkan import kereta Proton pun, dijual secara bebas di Malaysia. Anda boleh tengok semua jenis kereta (di Malaysia), tetapi anda tidak melihat ini di negara lain.

"Mengapa jualan Proton jatuh? Kerana anda mengimport terlalu banyak kereta asing. Saya percaya, untuk mengimport,

anda perlu mempunyai AP (permit im-

port) dan AP kini diberi dengan begitu bebas," katanya.

Dr Mahathir berkata, Proton sebenarnya tidak bimbang dengan Jepun tetapi lebih khuatir mengenai pengimportan kereta secara berlebihan sekarang.

"Kereta dari China datang, Chevrolet buatan Korea ada di sini dan idea bahawa kita perlu melindungi kereta nasional sudah tiada lagi. Memang benar kita

harus bersaing tetapi orang lain tidak membenarkan Proton masuk ke negara mereka.

"Kita membenarkan kereta mereka masuk ke Malaysia secara bebas. Apabila anda pergi ke negara lain, anda nampak kereta Proton? Ya, kita tidak boleh pergi. Tetapi di sini, setiap orang dan sesiapa saja yang ingin melihat kereta mereka, boleh datang ke Malaysia," katanya.